



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2015/02/16 (HQ)

KEPUTUSAN PENEMPATAN SEMULA SJKC LEMBAH BERTAM SELEPAS TAHUN BARU CINA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Negeri (PPN) Pahang, serta pihak pengurusan dan PIBG Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Lembah Bertam, Cameron Highlands telah mengadakan lawatan ke dua lokasi tapak gantian sekolah tersebut bulan lepas.

Kedua-dua lokasi tersebut telah dikenalpasti oleh Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Cameron Highlands sebagai sesuai untuk penempatan semula sekolah berkenaan berdasarkan garis panduan PPN Cameron Highlands.

Tapak baru berkenaan dikenalpasti ekoran tawaran TNB untuk menempatkan semula sekolah SJKC Lembah Bertam ke lokasi yang tidak terdedah kepada risiko banjir, susulan dari insiden banjir yang melanda Lembah Bertam pada 2013.

"Kami bimbangkan keselamatan murid-murid sekolah tersebut sekiranya pihak sekolah dan ibu bapa masih enggan memberikan kerjasama untuk berpindah," kata Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat & Komunikasi) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Sebelum ini, pihak PIBG sekolah pada Julai 2014 telah menolak tawaran untuk berpindah. Bagaimanapun, pada November 2014 pihak PIBG menyatakan persetujuan bersyarat untuk ditempatkan semula ke lokasi yang baru.

Syarat-syarat tersebut ialah lokasi yang dicadangkan mesti dipersetujui oleh semua pihak termasuk penduduk kampung Lembah Bertam dan semua kriteria sekolah yang sedia ada perlu dikekalkan.

"Cadangan dan tawaran TNB untuk memindahkan sekolah ke lokasi yang selamat perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak berkepentingan. Kejadian banjir lumpur 2013 dan banjir 2014 perlu dijadikan iktibar," kata Datuk Ir. Mohd Aminuddin.

Satu undian berhubung perkara ini akan diadakan selepas Tahun Baru Cina 2015 dan keputusannya akan dimaklumkan pada minggu pertama bulan depan.

"Kami harap satu keputusan yang bijak dibuat demi kebaikan dan keselamatan bukan sahaja murid-murid, malah guru-guru dan warga kerja SJKC Lembah Bertam. Nyawa dan keselamatan mereka mesti diutamakan," tambahnya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 Februari 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Teng Yoon Soon (019-29312280)/
Md Derus Bunchit (019-266 2296) / Maizatul Nadiah Saadon (017-381 6602)
media@tnb.com.my*